

GLOSARI ISTILAH

1. AKP - Anggota Kumpulan Pelaksana
2. JPA - Jabatan Perkhidmatan Awam
3. KPM - Kementerian Pendidikan Malaysia
4. PPP - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
5. PPPT - Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
6. SPP - Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
7. PDP - Pengesahan Dalam Perkhidmatan
8. PTB - Pemberian Taraf Berpencen

SOALAN-SOALAN

<i>BIL</i>	<i>SOALAN</i>	<i>JAWAPAN</i>
PERMOHONAN JAWATAN		
1.	Apakah jawatan yang boleh saya pohon di SPP?	<p>a. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG29 dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);</p> <p>b. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH29 dan PPPT Gred DH41 untuk berkhidmat di Politeknik dan Kolej Komuniti di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);</p> <p>c. Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) untuk berkhidmat di mana-mana agensi di bawah KPM iaitu jawatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N19; ii. Penyelia Asrama Gred N19; iii. Pembantu Pengurusan Murid Gred N19; iv. Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19; v. Pembantu Makmal Gred N19; vi. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19; vii. Pembantu Operasi Gred N11; dan viii. Pemandu Kenderaan Gred H11
2.	Bilakah dan bagaimanakah saya boleh memohon jawatan tersebut	Semua permohonan jawatan di bawah SPP boleh dilakukan sepanjang tahun. Permohonan boleh dikemukakan melalui <i>online</i> portal JobsMalaysia di <u>www.jobsmalaysia.gov.my</u> .
3.	Kenapa permohonan saya ditolak?	Permohonan ditolak mungkin disebabkan sekurang-kurangnya salah satu dari perkara yang berikut:
		<p>a. tidak mengisi dengan sempurna semua ruangan yang diwajibkan (mandatori);</p> <p>b. tidak memenuhi syarat lantikan skim perkhidmatan jawatan yang dipohon.</p>
4.	Saya merupakan PPP Gred DG29, DG32, DG34, dan DG38 di bawah KPM yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda. Bolehkah saya memohon untuk pelantikan ke jawatan PPP Gred DG41?	Selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa bagi pegawai yang sedang berkhidmat sebagai PPP Gred DG29, DG32, DG34, dan DG38 perlu mengemukakan permohonan untuk kenaikan pangkat ke PPP DG42 yang dikendalikan oleh pihak KPM. SPP hanya menguruskan pelantikan pertama dalam perkhidmatan sama ada ke jawatan PPP Gred DG29 atau PPP gred DG41.

5.	Saya pernah meletak jawatan dalam perkhidmatan awam tetapi ingin berkhidmat semula. Bagaimanakah caranya untuk saya mengemukakan permohonan	Seseorang yang telah meletakkan jawatan boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam. Permohonan boleh dibuat seperti permohonan calon biasa iaitu permohonan secara <i>online</i> di www.jobsmalaysia.gov.my
6.	Bilakah iklan jawatan kosong disiarkan?	SPP tidak mengiklankan kekosongan jawatan di akhbar mahupun media massa yang lain. SPP menyiarkan iklan sepanjang masa di portal kami dan permohonan boleh dibuka terus di www.jobsmalaysia.gov.my Oleh itu, pemohon juga boleh menyemak maklumat yang dimaksudkan serta perkara lain berkaitan dengannya dan mereka boleh memohon jawatan yang diminati yang sesuai dengan kelayakan yang mereka miliki. Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, penerbitan iklan juga boleh dilakukan oleh SPP pada bila-bila masa mengikut kesesuaian berdasarkan keperluan urusan pengambilan jawatan tertentu.
7.	Perluakah saya menghantar biodata/maklumat peribadi (<i>resume</i>) untuk memohon jawatan ke SPP?	Tidak perlu. Pemohon hanya dikehendaki mengisi dengan teliti dan sempurna semua maklumat yang diperlukan dalam borang permohonan. Walau bagaimanapun, dokumen yang mengandungi maklumat tersebut serta dokumen lain yang berkaitan perlu dibawa pada hari temu duga.
8.	Mengapa saya perlu memperbaharui / mengemas kini permohonan/pendaftaran?	Setiap pendaftaran perlu diperbaharui/ dikemas kini walaupun pemohon tidak pernah dipanggil peperiksaan atau temu duga dalam tempoh satu (1) tahun. Ini membolehkan SPP mendapatkan serta menyimpan maklumat terkini pemohon yang benar-benar berminat di dalam bank data SPP. Selain itu ia juga mengelakkan pemohon terlepas peluang untuk dipertimbangkan panggilan temuduga disebabkan tempoh sah laku pendaftaran yang telah luput selepas tempoh satu (1) tahun

TEMU DUGA

1.	Bilakah saya akan dipanggil temu duga	a.	Bagi jawatan PPP , temu duga akan dilaksanakan sebaik sahaja maklumat kekosongan jawatan mengikut opsyen diterima daripada KPM. Pemakluman bagi urusan panggilan temu duga akan dibuat melalui portal SPP. Calon boleh menyemak status panggilan temu duga secara <i>online</i> di portal SPP.
		b.	Bagi calon PPPT dan AKP , temu duga akan dilaksanakan sebaik sahaja maklumat kekosongan jawatan diterima daripada KPT dan KPM. Walau bagaimanapun, panggilan temu duga bagi jawatan PPPT akan dibuat mengikut kekosongan bidang pengkhususan dan gred jawatan. Calon boleh menyemak status panggilan temu duga secara <i>online</i> di portal SPP dari masa ke masa.
2.	Bolehkah saya menukar tempat temu duga?	a.	Pertukaran tempat temu duga dibenarkan kepada calon PPP yang telah bertukar daripada pusat temu duga yang dipilih sewaktu dipanggil temu duga dengan syarat terdapat temu duga bagi opsyen yang sama dilaksanakan di negeri calon berada sekarang. Walau bagaimanapun, calon dikehendaki memaklumkan terlebih dahulu kepada Suruhanjaya secara bertulis sebaik sahaja mengetahui pemakluman temu duga dan calon disyaratkan membawa dokumen berikut semasa hadir temu duga: <ul style="list-style-type: none">i. pemakluman temu duga;ii. semua dokumen yang disyaratkan dalam senarai semak pemakluman temu duga; daniii. salinan kebenaran pertukaran pusat temu duga
		b.	Bagi jawatan PPPT dan AKP , pertukaran juga dibenarkan sekiranya terdapat urusan temu duga di negeri calon bertukar dengan syarat calon memaklumkan kepada Suruhanjaya lebih awal dan tertakluk kepada bidang bagi jawatan PPPT (sekiranya tiada temu duga melibatkan bidang yang dimiliki di negeri bertukar, maka pertukaran tempat temu duga tidak dapat dilakukan)

3.	Apa yang saya perlu lakukan sekiranya salah satu sijil asal (dokumen mandatori) hilang?	Calon dikehendaki mendapatkan semula sijil asal tersebut ataupun surat pengesahan dari pihak yang mengeluarkan.
4.	Apakah salinan fotostat sijil yang telah disahkan boleh diterima pakai menggantikan sijil asal yang hilang untuk urusan temu duga?	Tidak boleh, calon dikehendaki mendapatkan semula sijil asal tersebut ataupun surat pengesahan dari pihak yang mengeluarkan sijil tersebut.
5.	Apakah persediaan yang perlu saya buat untuk menghadiri temu duga?	<p>Antara persediaan yang perlu dilakukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan semua dokumen asal yang dikehendaki seperti dalam senarai semak pemakluman temu duga disediakan. Hanya sijil asal diterima dan calon yang gagal mengemukakan sijil asal tidak akan ditemu duga; • Pastikan pakaian mematuhi kod etika pakaian penjawat awam; dan • Lengkapkan diri dengan pengetahuan am dan ikhtisas.
6.	Saya telah membuat permohonan di <i>jobsmalaysia</i> , Bilakah saya akan dipanggil temu duga?	<p>Semua pemohon yang telah berdaftar di <i>jobsmalaysia</i> akan dipertimbangkan panggilan temu duga sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kekosongan jawatan yang dipohon; • Memenuhi syarat skim perkhidmatan jawatan yang dipohon; dan • Melempi as tapisan. <p>Setiap pemohon boleh menyemak pendaftaran melalui pautan Semakan Status Pendaftaran di Portal SPP.</p>
7.	Kenapa saya tidak dipanggil temu duga?	<p>Ada pelbagai sebab mengapa seseorang pemohon itu tidak dipanggil temu duga walaupun telah lama berdaftar di <i>jobsmalaysia</i> seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada urusan pengambilan dijalankan disebabkan tiada laporan kekosongan jawatan dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan kepada SPP; • Permohonan yang dikemukakan oleh pemohon tidak lengkap dan tidak berjaya didaftarkan dalam bank data SPP; • Pendaftaran pemohon telah luput tempoh sah laku pendaftaran dan pemohon tidak memperbaharui;

		<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam iklan atau dalam skim perkhidmatan bagi jawatan dipohon; dan • Pemohon tidak melepasi asas tapisan.
8.	Berapa lamakah masa yang diambil untuk dipanggil temu duga selepas proses pendaftaran di jobsmalaysia?	Tiada tempoh yang ditetapkan bagi proses di atas kerana selepas selesai proses pendaftaran, semua data permohonan akan disimpan di dalam Bank Data SPP. Proses tapisan hanya akan dijalankan setelah SPP Malaysia menerima laporan pengisian kekosongan jawatan dari Kementerian. Pemohon yang melepasi tapisan semasa akan dipanggil oleh SPP bagi menghadiri ujian/temu duga berdasarkan jawatan yang dipohon.
PELANTIKAN		
1.	Bilakah surat tawaran pelantikan akan dikeluarkan sekiranya saya berjaya dalam sesi temu duga?	a. Bagi calon yang berjaya, pemakluman keputusan temu duga akan dimaklumkan dalam portal SPP dan calon adalah dikehendaki untuk mencetak sendiri surat tawaran pelantikan tersebut. Surat tawaran pelantikan akan dikemukakan kepada KPM setelah mendapat kelulusan oleh Suruhanjaya. Surat tawaran beserta surat arahan lapor diri akan dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada calon yang berjaya. Surat tawaran akan dikeluarkan oleh SPP kepada calon manakala surat arahan lapor diri (penempatan) akan dikeluarkan oleh Kementerian.
2.	Sekiranya saya gagal dalam temu duga, apakah yang perlu saya lakukan?	a. Bagi jawatan PPP , Suruhanjaya telah menetapkan tatacara baharu bagi semua kategori calon yang gagal temu duga seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) calon dimaklumkan kegagalannya; dan b) calon boleh memohon semula melalui JobsMalaysia selepas enam bulan dari tarikh keputusan Suruhanjaya melalui Portal SPP. Tempoh enam bulan yang diberikan oleh Suruhanjaya untuk memohon semula bertujuan memberi peluang kepada calon memperbaiki kelemahan diri.

		b.	Bagi jawatan PPPT dan AKP , calon boleh mengemaskini semula permohonan di www.jobsmalaysia.gov.my untuk memastikan permohonan jawatan masih aktif.
3.	Bagaimanakah penetapan tarikh lantikan saya dibuat?	a.	Bagi jawatan PPP , tarikh lantikan adalah tarikh penempatan atau tarikh lapor diri bertugas mengikut tarikh mana yang terkemudian.
		b.	Bagi jawatan PPPT dan AKP , tarikh lantikan adalah berdasarkan tarikh lapor diri bertugas.
4.	Sekiranya saya berjaya dalam temu duga, di manakah saya akan ditempatkan?		Penempatan tempat bertugas adalah terletak di bawah bidang kuasa Ketua Perkhidmatan di (KPM) Calon mungkin ditempatkan bertugas sama ada di Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Politeknik, Kolej Komuniti atau di bahagian-bahagian di KPM sendiri.
5.	Bagaimanakah sekiranya saya mengandung dan tidak boleh melakukan x-ray?		Bagi calon yang sedang mengandung, pemeriksaan x-ray boleh dilakukan setelah kandungan dilahirkan. Sehubungan dengan itu, calon diminta memastikan pegawai perubatan membuat pengesahan di dalam laporan perubatan bahawa calon sedang mengandung. Laporan pemeriksaan x-ray tersebut boleh dikemukakan selepas calon selamat bersalin.
6.	Bolehkah pemeriksaan perubatan dibuat di klinik/hospital swasta?		Boleh asalkan pemeriksaan perubatan tersebut dilakukan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar. Walau bagaimanapun, kos/caj yang dikenakan di bawah tanggungjawab sendiri.
7.	Bagaimanakah saya melaksanakan tapisan keselamatan?		Calon boleh memuat turun borang tapisan keselamatan di Portal Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi sebagaimana panduan yang dinyatakan dalam borang tersebut
8.	Perluakah saya menghantar Surat Aku Janji kepada Suruhanjaya?		Pegawai yang baru ditawarkan jawatan dalam perkhidmatan awam perlu melaksanakan Aku Janji semasa melapor diri bertugas. Surat Aku Janji hendaklah dibuat dalam dua salinan di hadapan ketua jabatan, satu salinan hendaklah dikemukakan ke SPP bersama dengan dokumen setuju terima tawaran yang lain manakala satu salinan hendaklah disimpan oleh calon. Surat Aku Janji hendaklah direkod dalam kenyataan perkhidmatan.

9.	Bagaimanakah penetapan gaji permulaan saya dibuat?	<p>Penetapan gaji permulaan dibuat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengikut kelayakan akademik sebagaimana ditetapkan dalam skim perkhidmatan; • bagi calon yang sedang berkhidmat tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan tersebut, maka gaji permulaan akan ditetapkan pada mata gaji yang lebih tinggi dan paling hampir yang perbezaannya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, terhad kepada mata gaji maksimum jawatan baru sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan 25(7) dan (8) dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
10.	Saya dapati gaji yang ditawarkan kepada saya setelah dilantik lebih rendah dari elaun bulanan yang saya perolehi sewaktu saya dalam jawatan Guru Sandaran Terlatih (GST).	Elaun bulanan yang diterima semasa berkhidmat sebagai GST tidak diambil pertimbangan untuk tujuan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi. Penetapan gaji yang lebih tinggi dengan mengambil kira gaji akhir di jawatan lama hanya diperuntukkan kepada pegawai dalam jawatan tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan sahaja. Walau bagaimanapun, pengalaman berkhidmat sebagai GST (iaitu dikira dari tarikh memperolehi kelayakan penuh) boleh diambil kira untuk penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi.
11.	Saya dapati gaji yang ditawarkan kepada saya tidak berdasarkan kelayakan sijil/ijazah yang saya miliki. Apa yang perlu saya lakukan?	Sila kemukakan rayuan melalui dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan kepada Suruhanjaya bersama nilai taraf kelayakan sijil/ijazah tersebut yang diperolehi dari Unit Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (JPA), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
12.	Sebelum saya dilantik ke jawatan PPP/PPPT/AKP, saya telah berkhidmat tetap dengan kerajaan. Saya dapati bahawa gaji yang ditawarkan kepada saya lebih rendah daripada	Sila kemukakan rayuan melalui dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan kepada Suruhanjaya bersama salinan Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) yang telah dikemaskini.

	jawatan saya sebelum itu. Apakah yang perlu saya lakukan?	
13.	Saya memiliki kelayakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Sekiranya saya dilantik, adakah saya akan ditawarkan gaji yang lebih tinggi.	Calon yang memiliki Kelayakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) layak untuk diberikan gaji yang lebih tinggi seperti yang telah digariskan melalui Pekeliling Perkhidmatan bil. 1 Tahun 2016 seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • diambil kira untuk tujuan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi bagi jawatan PPP sebagaimana yang diperuntukan dalam skim perkhidmatan bagi lantikan mulai 1 Januari 2014. • diambil kira untuk tujuan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi bagi jawatan PPPT sebagaimana peruntukan dalam skim perkhidmatan tertakluk kelayakan tersebut diiktiraf oleh kerajaan.

PERKHIDMATAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

1.	Apakah maksud Pengesahan Dalam Perkhidmatan?	Pengesahan Dalam Perkhidmatan bermaksud proses memperakukan pegawai memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa. Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan sekurang-kurangnya minimum 1 tahun dan maksimum 3 tahun.
2.	Apakah tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan?	Pengesahan Dalam Perkhidmatan dilaksanakan berdasarkan Peraturan 29, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]. Bagi membolehkan seseorang pegawai disahkan dalam Perkhidmatan, pegawai perlu memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa. Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan sekurang-kurangnya minimum 1 tahun dan maksimum 3 tahun.
3.	Apakah syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan?	Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) adalah: <ul style="list-style-type: none"> i. Berkhidmat dalam tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun;

		<p>ii. Hadir dengan jayanya Kursus Induksi/ Program Transformasi Minda; dan</p> <p>iii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) adalah:</p> <p>i. Berkhidmat dalam tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun;</p> <p>ii. Hadir dengan jayanya Kursus Induksi/ Program Transformasi Minda;</p> <p>iii. Lulus peperiksaan perkhidmatan (bagi AKP); dan</p> <p>iv. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.</p>
4.	Bagaimanakah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran menentukan tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan seseorang pegawai?	<p>Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan sekurang-kurangnya minimum 1 tahun dan maksimum 3 tahun.</p> <p>Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan bagi seseorang pegawai ditentukan sebagaimana berikut:</p> <p>Sehari selepas genap satu (1) tahun perkhidmatan setelah mematuhi syarat yang ditetapkan; dan / atau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sehari selepas menghadiri dengan jayanya kursus yang disyaratkan; • Sehari selepas menghadiri dengan jayanya Program Transformasi Minda; • Sehari selepas menduduki peperiksaan yang dilulusinya; • Sehari selepas tarikh kuat kuasa opsyen; dan Sehari selepas tarikh perakuan Ketua Jabatan bagi yang dilanjutkan tempoh percubaan kerana tidak mendapat sokongan Ketua Jabatan.
5.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk pengesahan dalam perkhidmatan?	<p>Perakuan lengkap urusan PDP ialah:</p> <p>i. Borang Permohonan PDP Pegawai (SPP/K/002) - (Lampiran I Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2013);</p> <p>ii. Borang Perakuan PDP - Jadual Ketiga (Lampiran II atau Lampiran III Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2013);</p> <p>iii. Borang Opsyen KWSP - Jadual Kelima (Lampiran IV atau Lampiran V Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2013);</p> <p>iii. Salinan Keputusan Kursus Induksi/ Program</p>

		<p>Transformasi Minda/ Pengecualian Kursus Induksi;</p> <p>iv. Salinan Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan (bagi AKP); dan</p> <p>v. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan (Kenyataan Perkhidmatan, Kenyataan Cuti dan Lembaran Kelakuan) yang kemas kini/ teratur dan disahkan.</p>
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN		
6.	Siapakah yang layak menerima pemberian taraf berpencen (PTB)?	Seseorang pegawai layak diberi taraf berpencen sekiranya tidak memilih skim KWSP, telah disahkan dalam perkhidmatan dan genap tempoh 3 tahun perkhidmatan yang boleh diambil kira. Secara umumnya, tarikh PTB ditetapkan pada satu hari bulan pada bulan berikutnya selepas SPP menerima perakuan lengkap daripada Ketua Jabatan.
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN		
7.	Bilakah permohonan Pelanjutan Tempoh Percubaan boleh dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran?	Perakuan permohonan Pelanjutan Tempoh Percubaan boleh dikemukakan kepada Suruhanjaya apabila pegawai gagal untuk disahkan dalam perkhidmatan sebaik sahaja tamat tempoh percubaan asalnya iaitu mengikut Peraturan 30(2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012].
8.	Berapa tahunkah Pelanjutan Tempoh Percubaan boleh diluluskan?	Mengikut Peraturan 30(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] tempoh percubaan seseorang pegawai hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi dua belas bulan, tetapi Suruhanjaya boleh dalam hal keadaan khas melanjutkan tempoh percubaan melebihi dua belas bulan jika difikirkan patut.
9.	Apa yang perlu dilakukan sekiranya belum disahkan dalam perkhidmatan?	Ketua Jabatan bagi anggota yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan bagi Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP) anggota kepada SPP dalam tempoh 7 hari sebaik sahaja tamat tempoh percubaan maksimum atau genap 36 bulan perkhidmatan (Perenggan 9 Pekeliling SPP Bil. 3 Tahun 2013).
10.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memproses	i. Borang Permohonan PTB Pegawai (SPP/K/003) - (Lampiran VI Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2013);

	(PTB)?	ii. Borang Perakuan PTB - Jadual Keenam (Lampiran VII atau Lampiran VIII Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2013); dan iii. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan (Kenyataan Perkhidmatan, Kenyataan Cuti dan Lembaran Kelakuan) yang kemas kini/ teratur dan disahkan.
--	--------	---

NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB

1.	Adakah tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja boleh diambil ke atas pegawai yang telah bersara wajib, atas kesalahan yang dilakukan semasa dalam perkhidmatan ?	Tindakan tatatertib tidak boleh lagi diambil ke atas seseorang pegawai yang telah bersara kecuali jika tindakan tatatertib telah pun dimulakan (pertuduhan telah dihadapkan kepada pegawai) sebelum tarikh kuat kuasa persaraan itu, maka tempoh perkhidmatan pegawai itu disifatkan sebagai telah dilanjutkan sehingga tindakan tatatertib itu berkeputusan sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta Pencen.
2.	Adakah tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai yang telah meletak jawatan dari perkhidmatan awam?	Tindakan tatatertib tidak boleh lagi diambil ke atas seseorang pegawai pada tarikh kuat kuasa meletak jawatan. Tindakan tatatertib yang sedang diambil juga tidak boleh diteruskan lagi selepas berkuat kuasa perletakan jawatan tersebut.
3.	Apakah tindakan yang sesuai diambil terhadap pegawai dalam percubaan yang melakukan kesalahan tatatertib kerana tindakan melalui proses tatatertib akan mengambil masa yang lama?	<ul style="list-style-type: none"> • Dari segi peraturan, tindakan tatatertib hingga ke peringkat buang kerja boleh diambil terhadap pegawai dalam percubaan, terutama jika mereka telah melakukan kesalahan yang serius. • Pilihan lain ialah Ketua Jabatan memperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelanjaran supaya pegawai tidak disahkan dalam perkhidmatan. Berdasarkan perakuan itu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelanjaran boleh menamatkan perkhidmatan mereka. • Pegawai dalam percubaan sepatutnya lebih berdisiplin dan mengelak diri daripada melakukan kesalahan tatatertib. Tujuan tempoh percubaan ialah untuk memberi peluang kepada pegawai membuktikan kesesuaian dan kebolehan mereka sebagai pegawai awam. Oleh itu Ketua Jabatan

		<p>perlu lebih tegas mengendalikan kes salah laku mereka.</p>
4.	<p>Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan jika pegawai memperolehi sijil sakit palsu dan adakah wajar seorang Ketua Jabatan meluluskan cuti sakit bagi kakitangan yang mengemukakan sijil sakit dari klinik swasta ?</p>	<p>Perlu diingat bahawa sijil sakit yang dikeluarkan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar (dokter) itu adalah sebagai satu perakuan/pengesahan bahawa pegawai kurang sihat dan disyorkan berehat pada tarikh yang dinyatakan. Jika Ketua Jabatan bersetuju dengan pendapat doktor itu maka pegawai bolehlah diluluskan cuti sakit. Pada tarikh pegawai disahkan tidak sihat itu mereka sepatutnya berehat di rumah atau di hospital.</p> <p>Jika dapat dibuktikan pegawai memperolehi sijil sakit secara tipu/palsu, atau mereka didapati tidak sakit seperti yang dilaporkan oleh doktor, maka Ketua Jabatan boleh tidak meluluskan cuti sakit seperti yang dipohon atau melaporkan kepada pihak polis dan mengesyorkan tindakan tatatertib diambil terhadap mereka. Dengan tindakan di atas Ketua Jabatan tidak mempersoalkan integriti doktor yang memeriksa pegawai. Sebaliknya Ketua Jabatan hanya mempersoalkan integriti pegawai terbabit.</p>
5.	<p>Jika Urus Setia Jabatan mendapati terdapat kesilapan dalam prosedur tindakan tatatertib terhadap seseorang pegawai, bilakah sepatutnya Urus Setia boleh membuat proses semula berhubung dengan tindakan tatatertib berkenaan ?</p>	<p>Jika surat pertuduhan belum dikeluarkan kepada tertuduh, kesalahan/pertuduhan yang dikenakan ke atas tertuduh boleh dibuat semula.</p> <p>Sebaliknya jika surat pertuduhan telah dikeluarkan kepada tertuduh, maka Urus Setia perlu membatalkan prosiding tindakan tatatertib dan bukannya membatalkan pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh.</p> <p>Urus Setia perlu menyemak segala dokumen, peraturan yang digunapakai sebelum laporan pelanggaran tatatertib dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib Jabatan bagi memutuskan kes pegawai sama ada wujud prima facie/tidak wujud.</p>
6.	<p>Bolehkah Lembaga Tatatertib bersidang untuk menjatuhkan</p>	<p>Walaupun seseorang pegawai telah mengemukakan representasi pembelaan dirinya dalam masa 1 hari, namun</p>

	hukuman ke atas pegawai sekiranya tempoh representasi pembelaan diri pegawai belum tamat 21 hari?	Lembaga Tatatertib mestilah menunggu sehingga 21 hari untuk bersidang. Ini kerana Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip keadilan iaitu right to be heard (hak untuk didengar). Kegagalan mematuhi prosedur/tatacara serta prinsip-prinsip perundangan tersebut akan menyebabkan kecacatan terhadap sesuatu tindakan tatatertib dan boleh menyebabkan keputusan yang telah dibuat itu menjadi tidak sah.
7.	Bilakah keputusan rayuan tatatertib boleh dimaklumkan kepada perayu?	Surat keputusan Suruhanjaya akan dikeluarkan kepada pegawai tidak lewat daripada tempoh 8 minggu setelah syrat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima.
8.	Bolehkah pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dinaikkan pangkat?	Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selagi tempoh hukuman berkuat kuasa.
9.	Siapakah yang boleh membuat rayuan untuk urusan kenaikan pangkat?	Semua pegawai yang dipertimbangkan sama ada yang berjaya, simpanan atau gagal yang tidak berpuas hati dengan keputusan lembaga kenaikan pangkat boleh merayu.
10.	Bagaimana menguruskan masalah pekerja yang melakukan kesalahan tidak hadir bertugas secara tidak konsisten iaitu kadang-kadang hadir, kadang-kadang tidak?	Tindakan hendaklah dimulakan sebaik-baik sahaja pekerja melakukan kesalahan tersebut tanpa menunggu sehingga jumlah hari yang mereka tidak hadir itu mencapai jumlah tertentu. Pada peringkat awal kesalahan itu dilakukan dan jumlahnya masih sedikit, pekerja tersebut sebaik-baiknya diberi nasihat dan bimbingan. Tindakan tatatertib adalah langkah terakhir, iaitu jika tindakan awal tidak berkesan.
11.	Apakah tindakan tatatertib kerana tidak hadir bertugas boleh diambil ke atas seseorang pekerja yang telah ditangkap / ditahan oleh pihak Polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana disyaki melakukan jenayah.?	Tangkapan seumpama ini dianggap sebagai tangkapan kerana membantu siasatan (reman). Ketidakhadiran bertugas bagi tempoh pekerja ditahan itu adalah disifatkan sebagai dengan sebab yang munasabah. Walau bagaimana pun sekiranya pekerja masih tidak hadir selepas dibebaskan sama ada dengan ikat jamin dan sebagainya, maka tindakan tatatertib boleh dikenakan bagi ketidakhadiran selepas dia dibebaskan itu.
12.	Pekerja hanya datang pagi dan petang untuk mengetip kad perakam waktunya. Beliau sebenarnya tidak bertugas. Bolehkah pekerja dikenakan tuduhan 'tidak hadir bertugas'?	Tuduhan yang sesuai dikenakan kepada pekerja ialah TIDAK HADIR BERTUGAS. Jika tuduhan ini boleh dibuktikan melalui saksi dan bukti berdokumen yang lain (jika ada) yang dapat memperlihatkan tempoh masa beliau tidak bertugas, kesalahan ini sama seriusnya dengan kesalahan tidak hadir bertugas.
13.	Bolehkah tindakan tatatertib	(i) Jika pekerja telah menagih dadah sebelum dilantik

	diambil terhadap pekerja yang diketahui menagih dadah?	<p>tetapi tidak diisytiharkan dalam sumpah berkanunnya, pekerja boleh dituduh membuat sumpah palsu. Jika pelantikan mereka belum disahkan, pelantikan itu boleh dibatalkan.</p> <p>(ii) Jika pelantikan pekerja telah disahkan, Ketua Jabatan boleh perakukan supaya pekerja tidak disahkan dalam perkhidmatan dan seterusnya perkhidmatan beliau ditamatkan.</p> <p>(iii) Jika pekerja telah disahkan dalam perkhidmatan, tindakan tatatertib hingga ke peringkat buang kerja atau ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam boleh dipertimbangkan.</p>
14.	Bagaimanakah yang dikatakan seseorang pekerja dikategorikan sebagai mengambil/ menyalahgunakan dadah sehingga dikenakan tindakan tatatertib buang kerja?	<p>Berdasarkan Peraturan 7, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993, menetapkan :</p> <p>(1) Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971) atau menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya.</p> <p>(2) Perkhidmatan seseorang pegawai yang diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan sebagai menggunakan, mengambil (selain daripada maksud perubatan), menyalahgunakan atau menagih, dadah berbahaya berlanggaran dengan subperaturan (1) boleh ditamatkan demi kepentingan awam di bawah peraturan 49.</p> <p>Tata kelakuan ini boleh diertikan sebagai mencemar imej perkhidmatan awam iaitu bertentangan dengan peraturan 4(2)(d), Peraturan-peraturan yang sama yang menyatakan "seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama perkhidmatan awam"</p>
15.	Bagaimanakah yang dikatakan seseorang pekerja berada dalam keterhutangan kewangan yang serius?	Jumlah hutang yang tidak bercagar dan melebihi 10 kali emolumen bulannya. Ini bermaksud baki gaji akhir adalah kurang daripada 40%. Oleh yang demikian pekerja awam hanya dibenarkan berhutang 60% daripada emolumen dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40%.
16.	Apakah peranan Ketua Jabatan jika didapati pekerja	Ketua Jabatan perlu memantau dan memperingatkan pekerja di bawah jagaannya supaya mematuhi surat-surat

	bawahannya mengalami keterhutangan kewangan yang serius?	pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Sekiranya pekerja bawahannya masih tidak mematuhi surat-surat pekeliling dan berada dalam keterhutangan kewangan serius, Ketua Jabatan perlulah bertanya kepada pekerja bagaimanakah ia menyelenggara kehidupannya. Walaupun mempunyai keterhutangan kewangan yang serius, tetapi pekerja telah menunjukkan prestasi kerja yang baik serta tidak melanggar tatakelakuan perkhidmatan awam di bawah Peraturan 3 Akta 605, maka tindakan tatatertib tidak perlu diambil. Ketua Jabatan perlulah memantau secara berterusan supaya tidak menjejaskan prestasi kerja dan tidak berlaku penyalahgunaan kuasa.
17.	Apakah Tindakan Tatatertib bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang Keluar Negeri Tanpa Kebenaran?	Berdasarkan Para 5, Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2012 berkenaan Peraturan Perjalanan Pegawai Awam ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian, pegawai awam yang hendak ke luar Negara atas urusan persendirian hendaklah mendapat kelulusan pegawai pelulus di Jabatan. Keluar Negara tanpa kebenaran adalah bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan dalam peraturan ini dan melanggar tata kelakuan di bawah Peraturan 4(2)(i), sesorang pegawai tidak boleh ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.
LAIN-LAIN		
1.	Bolehkan saya memohon kepada Suruhanjaya untuk bertukar tempat bertugas?	Permohonan pertukaran tempat bertugas adalah di bawah bidang kuasa Ketua Perkhidmatan masing-masing. Atau Permohonan pertukaran tempat bertugas adalah di bawah bidang kuasa KPM (contohnya Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Pendidikan Islam) mengikut yang mana berkaitan.
2.	Bagaimanakah caranya untuk saya memohon mengikuti kursus perguruan?	Permohonan untuk mengikuti kursus perguruan adalah di bawah bidang kuasa rektor IPGM, KPM. Sila rujuk bahagian berkenaan untuk maklumat lanjut.
3.	Bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui bahawa	Selepas membuat permohonan di JobsMalaysia, calon dikehendaki untuk membuat semakan di portal SPP bagi memastikan permohonan telah berjaya didaftarkan.

	permohonan saya telah berjaya didaftarkan di pengkalan data SPP?	Sekiranya didapati permohonan tidak wujud, calon dikehendaki menghubungi pihak SPP di talian 03 - 8871 7300 untuk keterangan lebih lanjut.
4.	Adakah saya perlu menghadiri kursus Program Transformasi Minda sekiranya saya belum menghadiri Kursus Induksi Khusus?	Mulai 1 Januari 2013, semua perbekalan dalam skim perkhidmatan mengenai keperluan hadir dengan jaya Kursus Induksi sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan adalah dipinda dan digantikan dengan Program Transformasi Minda iaitu mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012.
5.	Bagaimana saya boleh dapatkan pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda?	Kelulusan pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda boleh diperolehi sekiranya pegawai telah hadir dengan jaya Kursus Induksi terdahulu atau lulus Peperiksaan Am yang disyaratkan. Pengecualian PTM boleh diperolehi daripada Pengurus Sumber Manusia Kementerian/ Jabatan/ Agensi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2012.
6.	Bolehkah seseorang pegawai yang belum menduduki Program Transformasi Minda menumpang di Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain yang ada menjalankan Program PTM itu?	<p>Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan PTM atas sebab-sebab tertentu boleh menumpang pegawai-nya untuk menghadiri PTM di Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Urusan penumpangan dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang menumpang dan menerima pegawai sebagai pegawai tumpangan; (b) Sijil PTM yang dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang melaksanakan program tersebut hendaklah diterima pakai bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan; dan (c) Sekiranya Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang menerima pegawai sebagai pegawai tumpangan mengenakan bayaran pengurusan, kadar yang dikenakan hendaklah munasabah dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. <ul style="list-style-type: none"> • Merujuk kepada Para 12, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012, Program Transformasi Minda.